



UNTUK SIARAN SEGERA

KENYATAAN MEDIA

JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)

TIADA PERMIT VESEL PENANGKAPAN IKAN LAUT DALAM MENGGUNAKAN VESEL TERPAKAI LUAR NEGARA

1. Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) ingin merujuk dan membuat pembedahan kepada tajuk utama berita seperti disiarkan oleh beberapa media tempatan pada Majlis Ramah Mesra YB. Menteri Pertanian & Industri Asas Tani (MOA) bersama Nelayan Terengganu di Kompleks Perikanan Chendering, Kuala Terengganu pada 2 September 2018 (Ahad)
2. Untuk makluman, bermula bulan September 2017, **DOF tidak lagi mengeluarkan permit laut dalam untuk bot terpakai dibeli dari luar negara**, kecuali hanya dibina di dalam negara sahaja.
3. Sebanyak 828 lesen laut dalam dikeluarkan kepada pengusaha perikanan seluruh Malaysia, di mana 343 daripadanya adalah bot yang dibeli dari luar negara (termasuk Vietnam & Thailand).
4. Untuk itu, DOF telah mengambil tindakan untuk membatalkan sebanyak 303 lesen dari 343 lesen yang dibeli dari luar negara seperti yang dinyatakan.

5. DOF akan meneruskan program pemantauan odan pemutihan vesel laut dalam bagi memastikan bot yang diberikan lesen adalah mematuhi undang-undang, syarat dan Dasar Pelesenan yang ditetapkan DOF serta diberikan kepada pengusaha perikanan yang benar-benar tulen. Ini bagi memastikan jaminan bekalan makanan dan kedaulatan makanan negara dimartabatkan.

###

DATO HAJI MUNIR BIN MOHD NAWI

Ketua Pengarah Perikanan Malaysia

3 September 2018 (Isnin) jam 10.30 pagi

Wisma Tani, Putrajaya